

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
SOALAN : NO. 3

Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan bilangan mahasiswa yang menyertai program sukarelawan 'GAP Year 2017' dan nyatakan bidang sukarelawan yang disertai serta apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan mahasiswa dalam kegiatan kesukarelawan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Gap year* merupakan program bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, kesukarelawanan dan patriotisme yang tinggi dalam kalangan pelajar di samping meningkatkan kebolehpasaran graduan. Ia melibatkan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti sukarelawan seperti libat sama komuniti, khidmat awam, bantuan kemanusiaan dan bencana alam dan keusahawanan sosial. Melalui Program Gap Year, pelajar boleh memilih untuk menjalani program-program kesukarelawanan melalui mod yang disediakan iaitu *Gap Year* Khidmat Negara, *Gap Year* Kesukarelawanan dan *Gap Year* Umum.

Setakat ini, penyertaan para pelajar universiti dalam program *Gap Year* kesukarelawan 2017 adalah seperti berikut :

- (i) Program My City My Responsibility: Kelestarian Sungai di Universiti Malaysia Sabah seramai 30 orang;
- (ii) Program Tuisyen Bitara di Universiti Pendidikan Sultan Idris seramai 253 orang pelajar;
- (iii) Program Kemasyarakatan di Universiti Utara Malaysia seramai 42 orang pelajar;
- (iv) Program Menongkah Arus: Pemerksaan Pendidikan Orang Asli di Universiti Sultan Zainal Abidin seramai 80 orang pelajar; dan
- (v) Program Mahasiswa@Cakna: Kesukarelawan Bencana di Universiti Malaysia Terengganu seramai 18 orang pelajar.

Manakala bagi program *Gap Year* Khidmat Negara, Kementerian telah menerima permohonan penyertaan seperti berikut:

- (i) Penyertaan dalam Polis Diraja Malaysia seramai 37 orang;
- (ii) Penyertaan dalam Angkatan Tentera Malaysia sebanyak 45 orang; dan
- (iii) Penyertaan dalam Angkatan Pertahanan Malaysia sebanyak 17 orang

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut menggalakkan penyertaan pelajar dalam kegiatan kesukarelawanan di universiti melalui pemberian mata kredit kepada kokurikulum yang melibatkan aktiviti kesukarelawanan. Selain itu, KPT juga akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif seperti kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan lain bagi menyokong usaha KPT dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawanan.

RT01/04

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN
BIN ISMAIL [PAYA BESAR]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan elemen sistem pendidikan awal kanak-kanak yang ditambah baik menerusi kajian terperinci oleh Jawatankuasa Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan seperti diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan pada Jun 2017 adalah usaha awal untuk menambahbaik sistem pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan Taska dan Tadika yang akan melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN); Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Permata Negara (PERMATA).

RT01/04